UMT PRESS

Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research
Journal Homepage: https://journal.umt.edu.my/index.php/umtjur/
eISSN: 2637-1138
DOI: http://doi.org/10.46754/umtjur.2026.10.005



ISU DAN CABARAN PENGLIBATAN PELAJAR MENYERTAI PROGRAM PENGUCAPAN AWAM: KAJIAN KES PERTANDINGAN IKON MOTIVATOR UMAC DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ISSUES AND CHALLENGES IN STUDENT ENGAGEMENT IN PUBLIC SPEAKING PROGRAMS: A CASE STUDY OF THE UNIVERSITY ICON MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) AT UNIVERSITY OF MALAYSIA TERENGGANU

NURUL ZULAIFA ZUBIR, NOR HAYATI SA'AT* AND SITI MUNIRAH MAUZUD

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

**Corresponding author: norhayati@umt.edu.my*

ARTICLE INFO

Article History:
Received: 3 July 2025
Revised: 17 September 2025
Accepted: 2 February 2026
Published: 15 October 2026

Keywords:
Pengucapan awam, penglibatan pelajar, latar belakang akademik, kemahiran insaniah, pendidikan holisitik

Public speaking, student involvement, academic background, soft skills, holistic education

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan meneroka isu dan cabaran penglibatan pelajar dalam pertandingan pengucapan awam di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) khususnya melalui pertandingan Ikon Motivator UMAC. Fenomena penglibatan pelajar sains tulen yang semakin aktif berbanding dengan pelajar sains sosial menimbulkan persoalan terhadap faktor penyertaan berdasarkan latar akademik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk fenomenologi dengan pengumpulan data melalui temu bual mendalam melibatkan 10 informan. Hasil kajian mendapati pelajar sains sosial mempunyai kelebihan dari segi pendedahan awal kepada komunikasi lisan namun kurang motivasi dan minat menyertai pertandingan formal. Sebaliknya, pelajar sains tulen menunjukkan kesungguhan tinggi untuk keluar dari zon selesa dan membina kemahiran insaniah walaupun kurang pendedahan secara akademik. Antara cabaran utama yang dikenal pasti adalah kurang keyakinan diri, kekangan masa, dan beban tugas akademik. Kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti memperkukuh sokongan emosi dan moral kepada pelajar serta mempergiatkan promosi program dengan mengadakan bengkel. Sokongan institusi dan pengiktirafan juga perlu diperkukuh bagi memupuk budaya komunikasi efektif dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini menyokong kepentingan penglibatan kokurikulum dalam membentuk graduan yang seimbang dan holistik.

This study aims to explore the issues and challenges of student participation in public speaking programmes at Universiti Malaysia Terengganu (UMT), specifically through the University Icon Motivator Competition (UMAC). The growing involvement of

science stream students compared to social science students raises questions about academic background and participation factors. Using a qualitative phenomenological approach, data was collected through in-depth interviews with 10 informants. Findings revealed that social science students possess better exposure to communication but show less interest in formal competitions. Conversely, science students demonstrate strong motivation to enhance soft skills despite limited academic exposure. Key challenges identified include lack of self-confidence, time constraints and insufficient formal training. The study recommends several improvements such as strengthening emotional and moral support for students as well as intensifying programme promotion and holding workshops. Institutional support and recognition should also be strengthened to cultivate a culture of effective communication among students. Overall, the study underscores the importance of co-curricular involvement in developing balanced and holistic graduates.

© UMT Press

Pengenalan

Pendidikan tinggi di Malaysia merupakan platform penting dalam usaha membentuk modal insan yang berkualiti dan kompeten, selaras dengan matlamat pembangunan negara. Dalam konteks ini, UMT sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di Malaysia turut berperanan untuk memastikan pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu dalam bidang akademik tetapi juga mengembangkan kemahiran insaniah yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik kerana mereka lebih terlatih dalam pengurusan masa dan kerja berpasukan (Ong *et al.*, 2021). Oleh itu, penglibatan kokurikulum oleh pelajar penting bagi membentuk perkembangan diri seperti kepimpinan, keyakinan diri serta kemampuan berkomunikasi. Tambahan lagi, hal ini ianya boleh diperoleh melalui penyertaan dalam pertandingan motivasi dan pengucapan awam seperti pertandingan Ikon Motivator UMAC Piala Timbalan Naib Canselor.

Pertandingan Ikon Motivator UMAC Piala Timbalan Naib Canselor adalah salah satu aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa (PKKM) dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMT untuk mencari dan mengiktiraf pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga dalam aspek motivasi dan kepimpinan. Program ini berasaskan pertandingan pengucapan awam yang terbuka kepada setiap pusat pengajian di UMT. Pendekatan pengucapan awam sebagai medium pembangunan diri berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan pelajar, sekali gus membina keupayaan mereka untuk menyampaikan mesej yang mampu memberikan inspirasi kepada rakan-rakan melalui pembentangan motivasi. Menurut kajian oleh Carnagey dan Eseinwen (2005), program pengucapan awam dapat membantu peserta mengatasi rasa takut bercakap di hadapan khalayak ramai dan meningkatkan kemahiran menyampaikan mesej secara berkesan. Ini menjadikan pertandingan Ikon

Motivator UMAC sebagai platform strategik untuk pelajar UMT membina kemahiran komunikasi yang penting dalam dunia profesional.

Secara tradisinya, pelajar daripada latar belakang pendidikan sains sosial sering dikaitkan dengan kemahiran komunikasi yang baik disebabkan pendedahan mereka kepada subjek seperti psikologi, komunikasi dan sosiologi. Sebaliknya, pelajar daripada aliran sains tulen lebih sinonim dengan pemikiran analitik dan saintifik yang berfokus kepada penyelesaian masalah secara teknikal. Namun begitu, corak penyertaan dalam pertandingan ini telah berubah, yakni pelajar daripada aliran sains tulen kini lebih dominan menyertainya berbanding dengan pelajar daripada aliran sains sosial. Perubahan ini menimbulkan persoalan kerana bertentangan dengan jangkaan awal bahawa pelajar aliran sains sosial lebih cenderung kepada aktiviti berbentuk komunikasi seperti pengucapan awam. Oleh itu, fenomena ini menjadi asas kajian untuk memahami isu dan cabaran yang mempengaruhi penglibatan pelajar daripada kedua-dua aliran akademik untuk menyertai pertandingan berbentuk pengucapan awam.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu:

1. Mengenal pasti latar belakang akademik pelajar yang terlibat dalam program pengucapan awam.
2. Meneroka isu dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam mengimbangi penglibatan kokurikulum dan prestasi akademik.
3. Mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam.

Pernyataan Masalah

Penglibatan pelajar sains tulen untuk terlibat aktif dalam pengucapan awam didorong oleh persepsi mereka untuk membangunkan kemahiran insaniah sebagai pelengkap kepada latar akademik yang lebih mampan. Menurut Sharif *et al.* (2021), pelajar aliran sains tulen menunjukkan peningkatan minat dalam aktiviti kokurikulum seperti pengucapan awam kerana mereka menyedari kepentingan komunikasi dalam kerjaya profesional mereka, terutama dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Statistik daripada laporan tersebut menunjukkan 62 peratus pelajar aliran sains tulen yang terlibat dengan pengucapan awam percaya bahawa kemahiran ini meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran kerja.

Sebaliknya, pelajar aliran sains sosial dilihat kurang menyertai pertandingan seperti ini. Kurangnya keterlibatan pelajar sains sosial berkemungkinan disebabkan oleh faktor seperti kepercayaan bahawa mereka sudah memiliki asas kemahiran komunikasi yang mencukupi melalui kursus akademik mereka. Di samping itu, beban kerja akademik serta kekurangan motivasi untuk bersaing dalam platform formal turut menjadi punca. Kajian oleh Ibrahim dan Mahbob (2021) mendapati bahawa 55 peratus pelajar sains sosial menganggap pengucapan awam sebagai aktiviti yang tidak begitu mencabar kerana mereka sering terdedah kepada pembentangan akademik dalam kelas.

Perbezaan pola penyertaan ini menimbulkan beberapa persoalan kritikal. Adakah sistem pendidikan universiti kurang memberikan penekanan kepada pelajar sains sosial untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum seperti pengucapan awam? Atau adakah pelajar sains tulen lebih terdorong untuk mencabar diri mereka dalam bidang

yang di luar zon selesa mereka? Kajian Rahman dan Ramadhan (2022) menyatakan bahawa walaupun pembelajaran sains tulen lebih memfokuskan analisis formal dan berstruktur, namun itu tidak menghalang mereka untuk menguasai pengucapan awam jika diberi peluang latihan yang secukupnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar sains tulen lebih cenderung melihat pengucapan awam sebagai peluang bagi memperkasakan diri mereka.

Seterusnya, salah satu isu utama yang dihadapi oleh pelajar ialah perasaan takut dan gugup ketika berucap di hadapan khalayak ramai. Kajian Ismail (2021) mendapati bahawa 60 peratus pelajar di institusi pengajian tinggi mengalami fobia pengucapan awam. Pelajar sering kali bimbang akan kritikan atau persepsi negatif daripada audiens sehingga mereka kurang yakin untuk menyampaikan ucapan dengan lancar. Dalam pertandingan seperti Ikon Motivator UMAC, tekanan untuk tampil di hadapan juri dan penonton hanya memperburuk lagi keadaan ini. Situasi ini mencerminkan keperluan mendesak untuk intervensi yang dapat membantu pelajar mengatasi ketakutan mereka.

Latihan dan pendedahan formal dalam pengucapan awam juga memainkan peranan penting dalam usaha membina keyakinan dan kemahiran komunikasi pelajar. Walaupun terdapat program seperti bengkel pengucapan awam dan kursus pembangunan diri, namun penyertaan pelajar sering kali terhad. Artikel yang diterbitkan di laman sesawang Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (2020) menunjukkan bahawa pelajar memerlukan latihan berstruktur yang memberikan fokus kepada teknik pengucapan, pengurusan emosi dan strategi menghadapi audiens. Kekurangan latihan seperti ini menyebabkan ramai pelajar kurang bersedia untuk menghadapi cabaran pertandingan pengucapan awam seperti Ikon Motivator UMAC.

Selain itu, kurangnya sokongan daripada fakulti atau rakan sebaya turut menyumbang kepada peratusan penglibatan pelajar untuk menyertai program ini. Kurangnya keyakinan diri dalam kalangan pelajar ialah cabaran lain yang perlu diberikan perhatian. Kekurangan keyakinan diri pelajar ini sering kali berpunca daripada pengalaman negatif yang dihadapi oleh mereka pada masa lalu atau ketiadaan platform yang konsisten untuk berlatih sehingga mempengaruhi keterlibatan mereka dalam program pengucapan awam. Program seperti "Open Mic Grand Stand" (OMGS) di sekolah menengah telah menunjukkan keberkesanan dalam usaha membina keyakinan diri pelajar melalui latihan berulang dan pendedahan kepada khalayak ramai (Raieh, 2023).

Isu lain yang sering diabaikan ialah kekurangan infrastruktur dan sokongan sistemik dalam mendorong penglibatan pelajar. Walaupun UMT telah menyediakan platform seperti Ikon Motivator UMAC, sokongan berterusan dari segi fasilitator, modul latihan, dan kempen kesedaran tentang kepentingan pengucapan awam masih perlu dibaiki. Kajian oleh Tan *et al.* (2019) menegaskan bahawa institusi pendidikan perlu menyediakan ekosistem yang holistik untuk membangunkan kemahiran ini dengan menyediakan sesi bimbingan individu dan peluang untuk pelajar mendapatkan maklum balas yang konstruktif secara berterusan.

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan, jelas bahawa cabaran utama dalam penglibatan pelajar menyertai program pengucapan awam merangkumi fobia pengucapan awam, kekurangan latihan formal, kurangnya keyakinan diri dan kekurangan sokongan yang lebih sistemik. Walaupun terdapat usaha melalui bengkel, kursus pembangunan diri serta pertandingan

seperti Ikon Motivator UMAC, namun penyertaan pelajar masih terhad dan tidak konsisten. Hal ini menunjukkan wujud kelompangan kajian dari beberapa sudut penting. Pertama, masih kurang penelitian mendalam mengenai perbezaan pola penyertaan antara pelajar aliran sains tulen dengan sains sosial khususnya dari segi faktor motivasi, persepsi terhadap kepentingan pengucapan awam dan realiti cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Seterusnya, walaupun isu fobia dan faktor psikologi seperti rasa gugup, rendah diri dan takut akan kritikan sering disebut, namun kajian empirikal yang mengaitkannya dengan tahap penglibatan pelajar masih terbatas. Ketiga, kajian sedia ada juga kurang memberikan perhatian terhadap aspek sokongan sistemik universiti termasuk peranan fakulti, fasilitator, polisi akademik serta penyediaan ekosistem holistik yang mendorong penglibatan pelajar secara konsisten. Akhir sekali, hubungan langsung antara penguasaan kemahiran insaniah dengan keterlibatan dalam pengucapan awam juga masih kurang dikaji khususnya dalam konteks pelajar sains tulen yang memerlukan keseimbangan antara kecemerlangan akademik dengan kemahiran komunikasi. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang isu dan cabaran penyertaan pelajar dalam program pengucapan awam serta strategi intervensi yang sesuai bagi memperkasakan potensi mereka.

Kerangka Teori

Kajian ini disokong oleh dua teori utama, iaitu teori Keperluan Motivasi McClelland dan teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura. Kajian ini menggunakan teori Keperluan Motivasi McClelland (1976) yang menekankan bahawa manusia terdorong oleh tiga keperluan utama, iaitu pencapaian (achievement), kuasa (power), dan afiliasi (affiliation). Teori ini diaplikasikan dalam kajian untuk memahami faktor dalaman yang mendorong pelajar menyertai pertandingan Ikon Motivator UMAC sama ada sebagai peserta mahupun ahli sokongan. Sebagai contohnya, keperluan pencapaian dapat dilihat melalui usaha pelajar mencapai kejayaan dan pengiktirafan dalam pertandingan manakala keperluan kuasa tercermin dalam hasrat mereka untuk memimpin, memberikan pengaruh atau mengawal keadaan ketika menyampaikan hujah. Sementara itu, keperluan afiliasi pula dapat dikaitkan dengan motivasi pelajar membina jaringan sosial, meningkatkan kerjasama kumpulan dan mendapatkan sokongan moral sepanjang pertandingan berlangsung.



Rajah 1: Kerangka teori Keperluan Motivasi
Sumber: McClelland (1976)

Teori ini dipilih kerana memberikan asas yang kukuh untuk menjelaskan kepelbagaian motif pelajar yang terlibat dalam aktiviti pengucapan awam. Tidak semua pelajar terdorong oleh matlamat yang sama. Sebagai contohnya, terdapat pelajar yang lebih cenderung kepada kejayaan akademik dan pengiktirafan (pencapaian), ada yang lebih berminat untuk mengasah kepimpinan (kuasa), dan ada yang lebih mengutamakan hubungan sosial (afiliasi). Dengan memahami perbezaan ini, penyelidik dapat menilai pengalaman pelajar secara lebih mendalam serta menyingkap faktor motivasi utama yang menyumbang kepada penglibatan mereka.

Kelebihan penggunaan teori ini dalam kajian termasuklah dapat membantu menghubungkan pengalaman sebenar pelajar dengan faktor psikologi yang mempengaruhi tingkah laku mereka. Teori McClelland berfungsi sebagai lensa analitikal untuk memahami dimensi motivasi yang berbeza sekali gus dapat memperkaya analisis dapatan. Kepentingannya juga terletak pada kebolehannya menjelaskan alasan sesetengah pelajar lebih berdaya saing seperti cenderung kepada kepimpinan manakala sebahagian lagi lebih cenderung untuk bekerjasama. Kefahaman ini membolehkan cadangan penambahbaikan program pengucapan awam dibentuk agar lebih selaras dengan keperluan motivasi pelajar yang pelbagai.



Rajah 2: Kerangka teori Pembelajaran Sosial
Sumber: Albert Bandura (1986)

Selain itu, kajian ini turut menggunakan teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) yang menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, peniruan, dan pemodelan. Dalam konteks pertandingan Ikon Motivator UMAC, teori ini diaplikasikan untuk memahami proses pelajar membina keyakinan dan kemahiran pengucapan awam dengan mencontohi rakan sebaya, penceramah terdahulu atau model yang dianggap berjaya. Sebagai contohnya, peserta yang baru pertama kali menyertai pertandingan dapat mempelajari gaya penyampaian, kawalan emosi dan strategi berinteraksi dengan audiens melalui pemerhatian terhadap peserta lain atau bimbingan mentor. Bagi ahli sokongan pula, proses pembelajaran sosial berlaku apabila mereka mencontohi cara rakan lain memberikan bantuan teknikal dorongan emosi atau strategi pengurusan kumpulan.

Teori ini dipilih kerana memberikan penjelasan yang praktikal terhadap cara pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran di luar bilik kuliah. Tidak semua kemahiran boleh diajar secara langsung, sebaliknya, sebahagian besar kemahiran sosial dan komunikasi diperoleh melalui proses peniruan dan penyesuaian tingkah laku model. Dengan itu, teori ini sangat relevan untuk menerangkan cara pelajar membina keberanian serta memperkukuh keyakinan diri dalam pengucapan awam melalui pengaruh rakan sebaya dan persekitaran pertandingan.

Kelebihan penggunaan teori ini ialah penekanan peranan faktor kognitif dan sosial dalam pembelajaran yang ditonjolkan, sekali gus melengkapi pemahaman tentang motivasi pelajar yang dijelaskan melalui teori Keperluan Motivasi McClelland (1976). Kepentingannya dalam kajian ini terletak pada keupayaan teori Bandura untuk menunjukkan bahawa penglibatan dalam pertandingan bukan sahaja memenuhi keperluan motivasi dalaman tetapi juga membentuk tingkah laku positif melalui interaksi sosial, pemerhatian, dan peniruan model. Dengan menggabungkan aspek motivasi dan pembelajaran sosial, kajian ini memperoleh kerangka konseptual yang lebih komprehensif untuk menilai pengalaman pelajar dalam pertandingan pengucapan awam.

Gabungan teori Keperluan Motivasi McClelland (1976) dan teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) dalam kajian ini memberikan asas yang komprehensif untuk memahami penglibatan pelajar dalam pertandingan Ikon Motivator UMAC. Teori McClelland membantu menjelaskan dimensi dalaman yang mendorong pelajar sama ada melalui keperluan pencapaian, kuasa atau afiliasi yang mencerminkan sebab utama mereka menyertai atau menyokong pertandingan. Pada masa yang sama, teori Bandura menekankan bahawa pelajar tidak hanya terdorong oleh faktor motivasi dalaman tetapi juga membentuk pengalaman melalui pemerhatian, pemodelan dan peniruan tingkah laku rakan sebaya atau model yang dianggap berjaya. Kedua-dua teori ini dipilih kerana sifatnya yang saling melengkapi; yakni motivasi memberikan sebab dan dorongan kepada penglibatan manakala pembelajaran sosial menerangkan proses pengalaman tersebut diterjemahkan kepada perubahan tingkah laku dan keyakinan. Kelebihan integrasi ini termasuklah membolehkan kajian meneliti penglibatan pelajar dari dua dimensi utama, iaitu dorongan psikologi dan proses sosial yang akhirnya memberikan pemahaman lebih mendalam tentang pengaruh pertandingan pengucapan awam dalam usaha membina keyakinan, kepimpinan dan jaringan sosial pelajar.



Rajah 3: Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian ini juga dibangunkan bagi memandu eksplorasi terhadap isu penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam. Empat tema utama yang dikenal pasti ialah pengurusan masa, beban akademik, kurang keyakinan diri serta takut dinilai negatif. Faktor-faktor ini mempengaruhi minat dan kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengucapan awam. Kerangka ini seterusnya menjadi asas bagi penyediaan soalan temu bual, analisis tematik dan cadangan penambahbaikan dalam kajian.

Dari sudut pengurusan masa, pelajar sering berdepan dengan cabaran untuk mengimbangi antara jadual akademik, aktiviti kokurikulum dan komitmen peribadi. Kegagalan merancang masa dengan baik menyebabkan persediaan untuk pengucapan awam menjadi tidak mencukupi, sekali gus menjejaskan prestasi mereka di pentas. Faktor ini jelas menunjukkan bahawa keupayaan mengurus masa merupakan salah satu penentu utama keberkesanan latihan dan keterlibatan pelajar.

Seterusnya, beban tugasan akademik juga menjadi penghalang besar kepada penyertaan pelajar. Tugasan yang bertindan, ujian yang kerap serta keutamaan terhadap kerja kursus sering menyebabkan penglibatan dalam aktiviti pengucapan awam dianggap sebagai beban tambahan. Dalam keadaan ini, pelajar cenderung mengutamakan tugasan akademik kerana memberikan impak terus kepada pencapaian akademik mereka berbanding dengan aktiviti pengucapan awam yang dilihat kurang memberikan ganjaran segera. Situasi ini akhirnya mengehadkan peluang pelajar untuk berlatih dan membangunkan kemahiran komunikasi secara berkesan.

Bagi aspek keyakinan diri, ramai pelajar kurang percaya terhadap kebolehan mereka untuk bercakap di hadapan khalayak ramai. Kekurangan pengalaman, pendedahan yang terhad serta kegagalan lampau sering melemahkan tahap keyakinan diri pelajar. Akibatnya, pelajar lebih cenderung mengelakkan diri daripada terlibat dalam pertandingan atau aktiviti pengucapan awam kerana merasakan diri mereka tidak bersedia. Keyakinan diri yang rendah ini membentuk kitaran negatif, yakni pelajar terus menjauhkan diri daripada pentas dan sekali gus mengekang peluang mereka untuk membaiki kemahiran tersebut.

Akhir sekali, faktor takut dinilai secara negatif turut mempengaruhi

penyertaan pelajar. Ramai pelajar berasa bimbang dengan pandangan audiens, takut melakukan kesilapan atau malu sekiranya ucapan mereka tidak diterima dengan baik. Perasaan ini menimbulkan kegelisahan berlebihan yang melemahkan keberanian pelajar untuk tampil berucap. Tekanan daripada suasana pertandingan yang formal juga boleh meningkatkan lagi tahap kebimbangan tersebut sehingga menyebabkan ramai pelajar memilih untuk tidak menyertai program pengucapan awam.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menggambarkan kesalinghubungan antara faktor struktur dengan psikososial dalam membentuk pengalaman pelajar terhadap pengucapan awam. Kekangan masa dan beban tugasan telah mengehadkan masa latihan manakala kekurangan latihan pula mengakibatkan pelajar kurang keyakinan diri serta meningkatkan rasa takut terhadap penilaian yang dihadapi semasa bertanding. Kefahaman terhadap hubungan ini penting untuk penyelidik mengenal pasti punca sebenar cabaran penyertaan serta merangka cadangan penambahbaikan yang relevan bagi memperkukuh penglibatan pelajar dalam pengucapan awam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memahami perubahan dinamik dalam penyertaan pelajar berdasarkan latar belakang akademik mereka. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang faktor-faktor yang mendorong atau menghalang penglibatan pelajar aliran tertentu, seterusnya membantu universiti merancang strategi yang lebih inklusif untuk menarik minat pelajar daripada kedua-dua aliran. Sebagai contohnya, universiti boleh menggunakan hasil kajian ini untuk memperkenalkan program sokongan yang disesuaikan dengan keperluan dan kekuatan pelajar dari aliran yang berbeza.

Kedua, kajian ini juga boleh membantu membaiki struktur pertandingan supaya lebih menarik dan relevan kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang akademik. Melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor yang mempengaruhi penyertaan, pihak universiti dapat memastikan pertandingan ini benar-benar berfungsi sebagai platform inklusif untuk mencungkil bakat, memperkasakan pelajar dan menyokong matlamat pendidikan holistik.

Ketiga, kajian ini berpotensi besar untuk menyumbang kepada perbincangan yang lebih mendalam dan meluas tentang kepentingan aktiviti kokurikulum bagi membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga seimbang dari segi emosi, sosial dan kemahiran insaniah. Dalam dunia yang semakin kompetitif, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum menjadi elemen penting yang mampu memperkukuh kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama, pengurusan masa dan komunikasi yang tidak selalu diperoleh melalui pembelajaran formal di bilik kuliah. Kajian ini dapat mengetengahkan pengaruh pengalaman dalam kokurikulum terhadap peluang kepada pelajar untuk menghadapi situasi sebenar yang mencerminkan cabaran dunia pekerjaan dan kehidupan masyarakat.

Limitasi Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif. Terdapat beberapa batasan kajian dalam kajian ini. Pertama, saiz sampel yang kecil adalah sejajar dengan pendekatan kualitatif yang menekankan kedalaman maklumat berbanding dengan keluasan representasi. Oleh itu, dapatan

kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi pelajar UMT. Sebaliknya, dapatan memberikan pemahaman yang mendalam dan kontekstual mengenai pengalaman informan yang terlibat dalam pertandingan Ikon Motivator UMAC. Walaupun saiz sampel yang terhad mungkin tidak merangkumi kepelbagaian penuh latar belakang semua pelajar, namun kekuatan kajian ini terletak pada perincian naratif dan makna subjektif yang dikongsi oleh informan. Oleh sebab itu, nilai dapatan ini lebih menekankan kebolehpindahan (transferability) kepada konteks yang serupa berbanding dengan representasi menyeluruh.

Kedua ialah bias responden. Responden mungkin dipengaruhi oleh pengalaman peribadi atau kecenderungan untuk memberikan jawapan yang dianggap sesuai atau positif pada mata pengkaji atau dalam istilah lainnya, *social desirability bias*. Contohnya, responden mungkin memberikan jawapan yang menggambarkan diri mereka sebagai lebih yakin atau berjaya daripada realiti sebenar bagi memenuhi jangkaan penyelidik. Keadaan ini boleh menjejaskan ketepatan data dan menyebabkan dapatan kurang mencerminkan pengalaman sebenar mereka.

Secara keseluruhan, walaupun batasan seperti saiz sampel kecil dan bias responden mempengaruhi kajian ini, strategi penambahbaikan seperti memperluas sampel atau menggunakan pendekatan pelbagai sumber boleh membantu mengatasi isu tersebut. Hal ini penting untuk memastikan kajian memberikan sumbangan yang lebih signifikan sebagai usaha memahami hubungan antara latar belakang akademik dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Kajian Literatur

Pengucapan Awam dalam Pertandingan

Pengucapan awam dalam konteks pertandingan motivasi merujuk keupayaan pelajar untuk menyampaikan idea, memberikan motivasi dan berkongsi inspirasi melalui pertuturan yang jelas, meyakinkan serta berkesan di hadapan audiens. Dalam pertandingan seperti *University Icon Motivator Competition* (UMAC), pelajar diberikan peluang untuk mempersembahkan mesej yang bermakna, menyentuh hati, dan mendorong perubahan positif dalam kalangan penonton (Ayna, 2023). Kemahiran pengucapan awam ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal seperti kawalan suara, intonasi dan bahasa badan, malah turut melibatkan aspek emosi seperti empati, ketulusan, dan keupayaan dalam mempengaruhi audiens.

Platform seperti UMAC memberikan ruang yang selamat dan terstruktur kepada pelajar untuk mengasah kemahiran komunikasi interpersonal mereka yang sering dianggap sebagai elemen kritikal dalam pembangunan diri dan kerjaya profesional. Penglibatan dalam pertandingan seperti ini mendorong pelajar untuk keluar dari zon selesa mereka bagi mengatasi ketakutan bercakap di khalayak ramai di samping membina keyakinan diri yang kukuh. Selain itu, proses persediaan untuk pertandingan seperti membuat penyelidikan, merangka mesej yang jelas, dan latihan yang konsisten dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik kepada pelajar yang terlibat.

Menurut laporan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2019), penyertaan dalam pertandingan pengucapan awam dapat memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar termasuk peningkatan ketara dalam kemahiran komunikasi dan keyakinan diri. Pelajar yang menyertai pertandingan ini

menunjukkan kemampuan yang lebih baik dalam menyampaikan idea mereka secara tersusun dan berkesan, sekali gus memperkukuh daya pengaruh mereka terhadap audiens. Laporan tersebut juga menekankan bahawa pertandingan seperti ini membantu pelajar mengembangkan kemahiran kepimpinan, kreativiti dalam penyampaian, dan kebolehan menyelesaikan masalah secara spontan semasa sesi soal jawab.

Secara keseluruhannya, pengucapan awam dalam konteks pertandingan motivasi bukan sahaja melatih pelajar untuk berkomunikasi dengan baik, malah dapat membentuk mereka menjadi individu yang yakin, berwawasan serta mampu memberikan inspirasi kepada orang lain. Penyertaan dalam pertandingan seperti UMAC mencerminkan komitmen universiti untuk menyediakan pelajar dengan peluang pembelajaran insaniah yang melengkapi keperluan akademik mereka serta sejajar dengan matlamat melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing.

Kajian-kajian Lepas Mengenai Isu dan Cabaran Penglibatan Pelajar dalam Program Pengucapan Awam

Pengkaji terawal yang melakukan kajian terhadap isu ini ialah James McCroskey (1970) yang merupakan pengkaji utama dalam bidang kegelisahan pengucapan awam. Beliau telah banyak menyumbang kepada pemahaman khalayak melalui pembangunan Skala Kegelisahan Pengucapan Awam, iaitu *Public Speaking Anxiety Scale*. Skala ini mengukur tahap kegelisahan yang dialami individu semasa berucap di hadapan orang ramai yang merangkumi perasaan cemas, kegugupan, dan ketakutan yang mempengaruhi prestasi pengucapan. McCroskey mendapati bahawa kegelisahan ini sering kali menghalang pelajar daripada mengambil bahagian dalam aktiviti pengucapan awam terutamanya disebabkan pengalaman negatif lalu seperti kegagalan atau kritikan yang memberikan impak berpanjangan kepada seseorang individu tersebut. Pengalaman tersebut meningkatkan ketakutan dan membentuk lingkaran negatif yang mengurangkan keyakinan diri, sekali gus menghalang individu daripada mencuba atau membaiki kemahiran pengucapan mereka. Kajian McCroskey menekankan bahawa faktor seperti pengalaman buruk, persepsi terhadap audiens dan keyakinan diri yang rendah adalah antara penyebab utama kegelisahan ini. Sehubungan dengan itu, masalah ini perlu diatasi bagi meningkatkan keberanian pelajar dalam pengucapan awam.

Seterusnya, O'Connell (2002) dalam kajian-kajiannya menekankan bahawa sokongan sosial dan latihan yang mencukupi ialah faktor penting dalam Langkah mengatasi fobia pengucapan awam yang sering dihadapi oleh pelajar. O'Connell berpendapat bahawa kurangnya Latihan merupakan salah satu penyebab utama yang membuatkan pelajar berasa tidak yakin apabila diminta untuk berucap di hadapan orang ramai. Tanpa latihan yang cukup, pelajar mungkin tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan ucapan dengan baik dan seterusnya menambahkan rasa cemas dan takut dalam diri mereka. O'Connell juga menggariskan bahawa sokongan sosial seperti dorongan daripada rakan sebaya, keluarga atau guru memainkan peranan penting dalam membantu pelajar mengatasi kecemasan ini. Sokongan ini mampu memberikan keyakinan kepada pelajar dan membantu mereka untuk berasa lebih diterima dan dihargai serta dapat mengurangkan perasaan takut terhadap penilaian negatif daripada audiens. Dalam

kajiannya, O'Connell menunjukkan bahawa apabila pelajar diberikan latihan yang sistematik dan sokongan yang berterusan, mereka lebih cenderung untuk berasa lebih bersedia dan yakin. Seterusnya, hal ini dapat mengurangkan fobia pengucapan awam yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, O'Connell menekankan kepentingan menyediakan latihan yang intensif dan sokongan yang menyeluruh bagi membantu pelajar mengatasi cabaran tersebut.

Lucas (2001) yang terkenal dengan karya-karyanya mengenai teknik pengucapan awam telah menekankan bahawa penguasaan teknik-teknik komunikasi yang betul menjadi kunci untuk mengatasi ketakutan dalam pengucapan awam. Lucas menyarankan bahawa pelajar perlu dilatih dalam pelbagai aspek pengucapan seperti struktur ucapan, penggunaan bahasa tubuh, nada suara dan teknik mengurus perasaan cemas. Dengan menguasai teknik-teknik ini, pelajar bukan sahaja dapat menyampaikan mesej mereka dengan lebih jelas dan berkesan tetapi juga dapat meningkatkan keyakinan diri mereka semasa berucap.

Lucas juga menekankan kepentingan latihan berterusan untuk mengasah kemahiran ini kerana semakin kerap seseorang berlatih, semakin tinggi tahap keselesaan dan keyakinan mereka dalam situasi pengucapan awam. Beliau percaya bahawa ketakutan pengucapan awam sering kali timbul apabila seseorang berasa tidak bersedia atau tidak tahu cara untuk mengawal situasi. Oleh itu, dengan adanya alat dan strategi yang sesuai, pelajar dapat mengatasi rasa takut tersebut. Teknik-teknik seperti perancangan yang teliti, latihan pernafasan untuk mengurangkan kegugupan dan penggunaan alat bantu pandang (visual aids) yang berkesan adalah antara pendekatan yang dicadangkan oleh Lucas untuk membantu pelajar mengatasi kecemasan mereka. Secara keseluruhannya, Lucas berpendapat bahawa penguasaan teknik-teknik pengucapan awam yang betul dapat memberikan pelajar kepercayaan untuk berdepan dengan khalayak selain mengatasi ketakutan mereka dalam situasi berucap.

Latar Belakang Akademik

Latar belakang akademik merujuk bidang pengajian atau disiplin ilmu yang diikuti oleh pelajar seperti sains tulen, sains sosial, kejuruteraan atau kesusasteraan. Ini memainkan peranan penting dalam membentuk minat, kemahiran dan perspektif pelajar terhadap aktiviti pembelajaran dan kokurikulum. Menurut kajian oleh Zacherman dan Foubert (2014), terdapat hubungan antara penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dengan pencapaian akademik di sekolah.

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum cenderung mencapai prestasi akademik yang lebih baik. Ini mungkin disebabkan oleh kemahiran pengurusan masa, disiplin, dan motivasi yang diperoleh melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, faktor persekitaran juga mempengaruhi latar belakang, status akademik murid, dan persepsi mereka terhadap aktiviti kokurikulum. Sokongan daripada ibu bapa, ahli keluarga, guru dan rakan sebaya turut memainkan peranan penting sebagai usaha mendorong penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Dalam konteks pendidikan tinggi, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran insaniah yang penting untuk pasaran kerja, seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kerja berpasukan. Oleh itu, memahami hubungan antara latar belakang akademik dengan penglibatan dalam aktiviti

kokurikulum adalah penting untuk merangka program pendidikan yang holistik dan berkesan.

Langkah-langkah Meningkatkan Penglibatan Pelajar dalam Program Pengucapan Awam

Penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran komunikasi yang efektif, meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan pelajar untuk menyampaikan idea dengan jelas. Namun, terdapat beberapa cabaran yang sering dihadapi oleh pelajar seperti rasa gugup ketika berucap, kurang keyakinan diri serta bimbang untuk bercakap di hadapan khalayak ramai. Menurut kajian Ismail Rani *et al.* (2015), faktor-faktor ini menyumbang kepada kegagalan komunikasi dalam kalangan pelajar yang seterusnya menghalang mereka daripada mencapai potensi dalam aktiviti seperti pengucapan awam. Oleh itu, beberapa langkah proaktif boleh diambil untuk menangani isu ini seterusnya dapat meningkatkan penglibatan pelajar.

Langkah pertama ialah institusi pendidikan memasukkan kursus pengucapan awam sebagai sebahagian daripada kurikulum. Kursus ini membolehkan pelajar mempelajari teori asas komunikasi, teknik pengucapan dan cara mengatasi kegugupan. Melalui bimbingan formal, pelajar dapat mengambil peluang untuk berlatih secara sistematik di bawah pemantauan pensyarah atau fasilitator yang berpengalaman. Sebagai contohnya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperkenalkan kursus pengucapan awam yang berjaya membantu pelajar meningkatkan kemahiran komunikasi serta melatih sikap profesional dalam diri pelajar (Kadir, 2023). Kursus seperti ini juga mampu mencipta pengalaman yang selesa untuk pelajar supaya mereka dapat mencuba tanpa takut akan kegagalan dan seterusnya dapat membina keyakinan diri mereka.

Selain kursus formal, penubuhan kelab atau persatuan yang memfokuskan debat, pengucapan awam, dan aktiviti yang seangkatannya dapat menyediakan platform yang berkesan untuk pelajar. Aktiviti kelab seperti sesi latihan mingguan, bengkel, dan pertandingan dapat memberikan pendedahan praktikal kepada pelajar. Sebagai contohnya, Kelab Debat dan Pengucapan Awam di Politeknik Kuching Sarawak telah menjadi platform yang membantu pelajar mengasah kemahiran komunikasi dan kepimpinan melalui penganjuran program debat dan penyertaan dalam pertandingan pengucapan awam pada peringkat nasional dan antarabangsa (Neo *et al.*, 2021). Dengan cara ini, pelajar dapat belajar daripada rakan sebaya serta menerima maklum balas yang membina diri mereka daripada jurulatih.

Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti program *Service Learning Malaysia University for Society* (SULAM) juga boleh digunakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pengucapan awam (Zakaria *et al.*, 2023). Dalam program seperti ini, pelajar bukan sahaja belajar melalui teori, tetapi mereka juga terlibat secara langsung dalam aktiviti khidmat komuniti. Aktiviti seperti memberikan ceramah kepada komuniti atau membimbing kanak-kanak dalam projek tertentu membantu pelajar mempraktikkan kemahiran komunikasi mereka dalam situasi dunia nyata. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar, malah dapat mengukuhkan kemahiran kepimpinan dan empati mereka.

Pada era pendigitalan ini, institusi pendidikan boleh menggunakan teknologi untuk menarik minat pelajar dalam

pengucapan awam. Contohnya, penggunaan aplikasi seperti *Zoom* atau *Microsoft Teams* membolehkan pelajar menjalankan sesi pengucapan awam secara maya. Pendekatan ini memberikan peluang kepada pelajar untuk berlatih dalam persekitaran yang lebih santai sebelum berhadapan dengan khalayak sebenar. Selain itu, aktiviti seperti video pembelajaran atau *vlog* boleh dijadikan alat latihan kreatif yang menggalakkan pelajar untuk bercakap secara spontan dan semula jadi. Tambahan lagi, pengiktirafan seperti sijil, anugerah, dan penghargaan juga boleh menjadi pemangkin untuk meningkatkan motivasi pelajar. Apabila usaha mereka diiktiraf, pelajar akan merasa dihargai dan terdorong untuk melibatkan diri secara aktif. Sokongan daripada pihak pengurusan institusi, pensyarah, dan rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam usaha membina budaya yang menyokong aktiviti pengucapan awam.

Dengan adanya langkah-langkah seperti di atas, institusi pendidikan tinggi dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam. Langkah ini bukan sahaja membantu pelajar mengatasi cabaran seperti rasa gugup dan kurang keyakinan diri tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar yang penting untuk berjaya dalam dunia pekerjaan. Oleh sebab itu, usaha bersepadu antara pelajar, tenaga pengajar, dan institusi ialah kunci utama untuk memastikan keberkesanan program pengucapan awam ini.

Kepentingan Penglibatan Pelajar dalam Kokurikulum

Penglibatan kokurikulum merujuk penyertaan pelajar dalam pelbagai aktiviti di luar kurikulum formal termasuk kelab dan persatuan, sukan, khidmat masyarakat serta program pembangunan diri seperti bengkel kepimpinan serta pertandingan pengucapan awam. Aktiviti kokurikulum bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran insaniah, kepimpinan, sosial, dan emosi yang penting untuk menyokong pembangunan holistik mereka. Berbanding dengan kurikulum formal yang lebih tertumpu kepada aspek intelektual dan teori, kokurikulum menyediakan ruang untuk pelajar meneroka potensi diri, membina jaringan sosial serta mengasah kebolehan praktikal yang tidak diajarkan di dalam bilik kuliah.

Kajian oleh Abdul Razak (2002) menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam kokurikulum mempunyai kaitan yang positif dengan pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran insaniah pelajar. Dalam kajian tersebut, pelajar yang aktif dalam kokurikulum dilaporkan lebih teratur dalam pengurusan masa, lebih berdisiplin, dan lebih yakin dalam menghadapi cabaran akademik. Selain itu, mereka juga mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi, bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan serta mempunyai daya kepemimpinan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang kurang aktif. Perkara ini membuktikan bahawa penglibatan kokurikulum bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap kepada pembelajaran akademik, malah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan diri pelajar secara menyeluruh.

Kajian oleh Tawang *et al.* (2021) pula menekankan bahawa penglibatan dalam aktiviti kokurikulum membantu meningkatkan keterampilan sosial pelajar. Melalui interaksi dengan rakan sebaya dan pihak luar dalam program seperti perdebatan, khidmat masyarakat serta sukan, pelajar dapat mempelajari kemahiran seperti cara berkomunikasi dengan berkesan, memahami perspektif orang lain serta dapat membina toleransi dalam kepelbagaian budaya. Interaksi ini penting dalam membentuk

pelajar menjadi individu yang lebih matang, empati dan bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan yang semakin mencabar pada peringkat yang lebih tinggi.

Dari perspektif pendidikan tinggi, penglibatan kokurikulum juga dianggap sebagai salah satu pendekatan strategik universiti dalam usaha melahirkan graduan yang holistik dan berdaya saing. Aktiviti kokurikulum di institusi pengajian tinggi memainkan peranan utama dalam mengembangkan 11 elemen kemahiran insaniah yang digariskan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) termasuk kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah, dan pemikiran kritikal (Agensi Kelayakan Malaysia, 2018). Program seperti pertandingan debat, projek keusahawanan, dan program mobiliti pelajar antarabangsa membantu pelajar mengasah kebolehan mereka dalam persekitaran dunia nyata.

Selain itu, kajian oleh Fredricks *et al.* (2004) menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum mempunyai peluang yang lebih besar untuk berjaya dalam kerjaya. Ini penting kerana aktiviti tersebut membolehkan mereka membangunkan ciri-ciri seperti daya tahan, keupayaan bekerja dalam pasukan serta dapat meningkatkan kecekapan emosi mereka. Peningkatan pembangunan insaniah seperti ini dapat menjadi kelebihan kepada pelajar bagi persediaan di pasaran yang kompetitif.

Penglibatan kokurikulum juga dapat membantu pelajar membina keyakinan diri. Sebagai contohnya, pertandingan seperti debat, pengucapan awam, dan pertandingan inovasi memberikan peluang kepada pelajar untuk menunjukkan kebolehan mereka berkomunikasi di hadapan audiens, membaiki kelemahan daripada kesilapan yang dilalui serta menerima maklum balas konstruktif bagi penambahbaikkan diri. Menurut laporan Universiti Kebangsaan Malaysia (2020), pelajar yang menyertai pertandingan seperti ini sering melaporkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran interpersonal dan keberanian menghadapi cabaran baharu.

Konsep Pendidikan Holistik

Pendidikan holistik ialah satu pendekatan yang menekankan pembangunan menyeluruh pelajar yang meliputi aspek intelektual, emosi, sosial, fizikal, dan rohani. Pendekatan ini bertujuan melahirkan individu yang seimbang, berintegriti, dan mampu menyumbang kepada masyarakat secara produktif. Dalam konteks ini, pendidikan holistik tidak hanya memberikan tumpuan kepada pencapaian akademik, malah mementingkan pembangunan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan dan pengurusan emosi supaya pelajar berupaya untuk menghadapi cabaran dunia yang sebenar.

Menurut kajian Abu Samah *et al.* (2022), penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dianggap sebagai salah satu komponen utama pendidikan holistik. Aktiviti seperti pengucapan awam, bersukan, dan kelab akademik dapat menyediakan ruang kepada pelajar yang bukan hanya dapat membangunkan kemahiran interpersonal mereka, malah dapat meningkatkan keyakinan diri serta membentuk daya tahan dan disiplin diri pelajar. Pengalaman yang diperoleh melalui aktiviti seperti ini dapat memperkaya pembelajaran pelajar dengan menyediakan peluang untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas ke dalam situasi dunia nyata.

Seterusnya menurut Salleh *et al.* (2021), kokurikulum memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran insaniah pelajar yang diperlukan dalam era globalisasi kini. Kokurikulum dapat membantu pelajar mengembangkan sikap

positif seperti bekerjasama dalam pasukan serta menghormati pandangan orang lain. Tingkah laku ini boleh terus diamalkan sehingga mereka beranjak ke alam pekerjaan terutamanya melalui pembangunan kemahiran seperti kreativiti, kepimpinan, dan penyelesaian masalah.

Tambahan lagi, penglibatan aktif dalam kokurikulum turut diiktiraf sebagai elemen penting dalam membentuk individu yang bertanggungjawab kepada komuniti mereka. Sebagai contohnya, aktiviti seperti khidmat masyarakat bukan sahaja membantu pelajar membangunkan empati tetapi juga memberikan pendedahan kepada pelbagai isu sosial yang memerlukan penyelesaian kreatif dan inovatif. Menurut Nor (2024), penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum terutamanya dalam kalangan komuniti marginal dapat membantu pelajar memahami kepelbagaian budaya dan keperluan masyarakat sekali gus dapat memupuk rasa tanggungjawab sosial dalam diri mereka.

Konsep Dasar dan Polisi Universiti

Dasar dan polisi universiti merujuk peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi untuk mengarahkan pembangunan akademik, kokurikulum, dan pembangunan pelajar secara menyeluruh. Dasar ini bertujuan memastikan setiap pelajar memiliki akses kepada peluang yang dapat memperkukuh potensi diri mereka, baik dari segi akademik mahupun dalam aspek kemahiran insaniah. Polisi ini juga melibatkan pelbagai aspek seperti struktur program akademik, penyediaan sumber yang relevan serta pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang bersifat interaktif dan berimpak tinggi. Melalui dasar yang efektif, universiti dapat menyediakan platform kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada mereka.

Kajian oleh Jamaluddin *et al.* (2020) turut menyokong peranan dasar universiti dalam membentuk pelajar yang holistik melalui aktiviti kokurikulum. Mereka menekankan bahawa polisi yang menyokong pembangunan kokurikulum dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti seperti debat, perbahasan dan pertandingan inovasi. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat aktif dalam program seperti itu mempunyai tahap keyakinan diri dan keupayaan komunikasi yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar biasa.

Tambahan pula, Nassar *et al.* (2024) mendapati bahawa universiti yang mengintegrasikan dasar kokurikulum secara strategik ke dalam sistem pendidikan mereka berjaya meningkatkan kepuasan pelajar dan kebolehpasaran graduan. Sebagai contohnya, polisi universiti yang menggalakkan penyertaan dalam pertandingan berasaskan kemahiran insaniah seperti pengucapan awam telah membuktikan keberkesanan dalam meningkatkan kualiti kemahiran pelajar di luar bilik kuliah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi bagi memahami pengalaman pelajar daripada pelbagai latar belakang akademik yang menyertai pertandingan Ikon Motivator UMAC. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyelami makna subjektif yang diberikan oleh pelajar terhadap penglibatan mereka dalam pertandingan pengucapan awam terutamanya berkaitan dengan isu cabaran berkomunikasi, keyakinan diri dan peranan sokongan sosial (Manen, 1997; Creswell, 2007).

Unit analisis dalam kajian ini ialah pelajar UMT yang terlibat secara langsung dalam pertandingan Ikon Motivator UMAC. Kriteria pemilihan informan ditentukan berdasarkan dua kategori utama: Pertama, peserta pertandingan, iaitu pelajar yang mengambil bahagian sebagai penyampai dalam pertandingan pengucapan awam. Kedua ialah sebagai ahli sokongan, iaitu pelajar yang terlibat secara tidak langsung tetapi memainkan peranan penting dengan memberikan dukungan moral, bantuan teknikal, dan pengurusan di belakang tabir sepanjang pertandingan berlangsung. Pemilihan ini membolehkan penyelidik memperoleh perspektif yang menyeluruh dan seimbang dengan mengambil kira pengalaman individu yang terlibat secara langsung di pentas serta peranan mereka yang menyumbang sokongan di belakang pentas.

Bagi memastikan data yang dikumpulkan benar-benar relevan dengan fenomena yang dikaji, pemilihan informan menggunakan pensampelan bertujuan (Patton, 2015). Kaedah ini dipilih kerana memberikan peluang untuk meneliti pengalaman individu yang mempunyai penglibatan unik dan signifikan dalam pertandingan. Seramai 10 orang informan dipilih yang terdiri daripada lima orang peserta dan lima orang ahli sokongan. Selain peranan mereka dalam pertandingan, latar belakang akademik juga diambil kira dengan melibatkan pelajar dari dua aliran utama, iaitu sains sosial dan sains tulen bagi mengumpulkan variasi pengalaman yang mungkin dipengaruhi oleh bidang pengajian masing-masing.

Pembahagian yang seimbang ini bertujuan mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai pengalaman pelajar dalam pertandingan. Perspektif daripada kategori peserta memberikan pemahaman tentang cabaran pengucapan awam secara langsung seperti pengurusan emosi, keyakinan diri, dan persembahan. Sementara itu, pandangan daripada kategori ahli sokongan membuka ruang kepada penjelasan tentang peranan sokongan sosial, strategi bantuan teknikal serta motivasi kolektif yang turut memberikan kesan terhadap kejayaan penyertaan. Dengan menggabungkan kedua-dua kategori serta latar akademik yang berbeza, kajian ini dapat menyingkap kepelbagaian strategi pelajar dalam usaha mengurus cabaran serta membina keyakinan diri dalam konteks pengucapan awam (Miles & Huberman, 1994).

Data dikumpul melalui temu bual mendalam separa berstruktur yang memberikan ruang informan menjelaskan pengalaman, motivasi dan cabaran mereka serta disokong dengan semakan dokumen seperti laporan rasmi pertandingan bagi memperkukuh dapatan (Bowen, 2009). Kaedah ini membolehkan triangulasi data dilaksanakan bagi meningkatkan kesahan kajian dengan menggabungkan sumber temu bual, dokumen, dan pemerhatian lapangan (Jasmi, 2012).

Akhir sekali, data dianalisis secara manual dengan menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan dengan isu, cabaran, dan cadangan penambahbaikan dalam penglibatan pelajar (Lebar, 2006). Pemilihan kaedah manual berbanding dengan penggunaan perisian seperti NVivo atau Atlas.ti membolehkan penyelidik menyelami transkripsi temu bual secara langsung melalui pembacaan berulang dan penandaan unit makna secara teliti. Rakaman temu bual ditranskripsikan secara verbatim, disemak semula bagi memastikan ketepatan dan seterusnya dianonimkan menggunakan pseudonim. Pada peringkat awal, penyelidik melakukan proses familiarisasi dengan membaca transkripsi berulang kali serta

menulis nota reflektif bagi mengenal pasti kata kunci dan idea penting.

Langkah seterusnya melibatkan pengekodan awal, iaitu unit makna daripada transkripsi ditandakan secara manual pada salinan bercetak menggunakan pen warna berlainan. Kod yang dikenal pasti kemudian direkodkan dalam helaian Excel untuk membina *codebook* yang mengandungi nama kod, definisi, kriteria inklusi, dan petikan contoh. Kod yang serupa kemudiannya digabungkan ke dalam kategori yang lebih luas dan seterusnya membentuk tema calon. Proses semakan berulang dilakukan bagi memastikan kesepadanan antara tema dengan keseluruhan data, di samping menyusun semula tema yang bertindih atau terlalu umum. Tema akhir ditentukan setelah data mencapai tahap ketepuan, iaitu apabila tiada tema baharu muncul.

Dapatan Kajian

Demografi

Jadual 1 di bawah menunjukkan data demografi bagi semua informan dalam kajian ini.

Jadual 1: Umur, jantina, latar belakang akademik, dan penglibatan sebagai peserta UMAC

Informan	Umur	Jantina	Latar Belakang Akademik	Peserta UMAC (Ya/Tidak)
Informan 1	22	Lelaki	Sains tulen	Ya
Informan 2	21	Perempuan	Sains sosial	Ya
Informan 3	24	Perempuan	Sains sosial	Tidak
Informan 4	21	Perempuan	Sains sosial	Ya
Informan 5	22	Lelaki	Sains sosial	Ya
Informan 6	22	Lelaki	Sains sosial	Tidak
Informan 7	22	Lelaki	Sains tulen	Tidak
Informan 8	23	Lelaki	Sains sosial	Ya
Informan 9	24	Lelaki	Sains sosial	Tidak
Informan 10	22	Perempuan	Sains tulen	Tidak

Mengenal Pasti Latar Belakang Akademik Pelajar yang Terlibat dalam Program Pengucapan Awam

Sains Sosial

Pelajar aliran sains sosial lebih terdedah kepada aktiviti yang memerlukan komunikasi dua hala, perbincangan berkumpulan serta tugasan berbentuk pembentangan dan penulisan reflektif. Subjek seperti sosiologi, ekonomi, undang-undang, pentadbiran awam, dan pengurusan sering memerlukan pelajar untuk menyampaikan pendapat mereka secara lisan dalam suasana akademik mahupun luar bilik darjah. Menurut Munawaroh *et al.* (2022), pelajar aliran sains sosial lebih cenderung menunjukkan keterampilan komunikasi kerana kekerapan mereka terlibat dalam aktiviti interaktif dan pembelajaran koperatif. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan perbincangan dan kerja berkumpulan secara signifikan meningkatkan keberanian dan daya sampaikan pelajar. Oleh itu, mereka cenderung untuk mempunyai asas kemahiran komunikasi yang lebih kukuh.

…saya ambil subjek akaun dan juga ekonomi dan kitaorang ada macam kena buat kerja kursus. Kerja kursus tu melibatkan juga, macam kena komunikasi dengan orang-orang luar dan juga komunikasi antara guru-guru masa presentation…

(Informan Ketiga)

…kalau sains sosial ni, kita banyak bagi pendedahan tu contohnya kita banyak kerja kumpulan, kita banyak perbincangan dalam kelas, kita banyak pembentangan. Kalau macam saya kan ada talent dalam menulis puisi ke, cerpen ke cerita ke, buat buku ke so benda tu lagi memudahkan untuk saya bercakap sebab saya yakin banyak idea…

(Informan Keempat)

Berdasarkan temu bual informan ketiga dan keempat, pelajar sains sosial memiliki kelebihan tersendiri dalam pengucapan awam kerana kurikulum mereka membuka ruang luas kepada aktiviti komunikasi seperti kerja kumpulan, pembentangan dan interaksi dengan komuniti luar. Keadaan ini membina keyakinan dan kecekapan komunikasi mereka melalui pendedahan berterusan dalam suasana pembelajaran yang kolaboratif. Menurut Bandura (1986), proses pemerhatian dan peniruan dalam persekitaran sosial memperkukuh pembelajaran tingkah laku manakala galakan pensyarah serta maklum balas positif berfungsi sebagai peneguhan yang meningkatkan keberanian pelajar. Dapatan ini selari dengan Susilowati *et al.* (2022) yang menunjukkan tugasan komunikasi luar bilik kuliah secara langsung meningkatkan tahap efikasi kendiri (self-efficacy) dalam kemahiran berucap.

Sains Tulen

Pelajar yang berasal daripada latar belakang sains tulen biasanya terlibat dalam subjek-subjek yang lebih bersifat teknikal, eksperimental, dan berorientasikan logik serta pemikiran kritikal. Subjek seperti biologi, kimia, fizik, dan matematik kurang menekankan komunikasi interpersonal dan pembentangan lisan secara terbuka. Oleh itu, kemahiran komunikasi yang diperlukan dalam pengucapan awam tidak semestinya diasah secara langsung dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, pelajar daripada latar belakang akademik ini turut menunjukkan keinginan untuk keluar dari zon selesa dan membangunkan kemahiran komunikasi mereka. Ini terbukti dalam temu bual beberapa orang informan.

...saya pada asalnya merupakan pelajar sains tulen… banyak teori banyak menghafal… bila bertukar bidang kepada sains sosial, banyak subjek-subjek atau syllabus yang diajar memerlukan kemahiran untuk berkomunikasi dan memerlukan kemahiran untuk pengucapan awam… Jadi daripada situ saya melihat perubahan daripada sains tulen kepada sains sosial tu sebenarnya memberikan saya dorongan yang lebih lah dan juga meningkatkan minat sayalah untuk terlibat dengan bidang pengucapan awam…

(Informan Pertama)

…disebabkan pelajar sains ni banyak penyelidikan dan juga analisis kan, so ini mempengaruhi saya untuk saya bentangkan apa yang saya dah belajar. Bukan nak kata mengajar orang lainlah tapi kita just share apa yang kita tahu. Jadi tu mendorong saya untuk masuk dalam pengucapan awam dan berkongsi apa yang saya dah dapat berkenaan sains…

(Informan Kedua)

Berdasarkan pernyataan informan pertama dan kedua yang berlatarbelakangkan sains tulen, walaupun mereka ini lebih terdedah kepada subjek teknikal yang berorientasi konsep dan eksperimen, mereka tetap berpotensi menguasai kemahiran komunikasi jika diberikan peluang dan sokongan yang sesuai. Pendedahan seperti forum atau pertandingan membolehkan mereka berkongsi ilmu dan seterusnya membina keyakinan serta memupuk kepuasan dalaman (Hajong & Ambedkar, 2025). Hal ini selari dengan teori Keperluan Motivasi McClelland yang menjelaskan bahawa motivasi pelajar dipacu oleh keperluan pencapaian dan kuasa peribadi yang meningkatkan keinginan mereka untuk mempengaruhi serta berinteraksi secara bermakna melalui pengucapan awam.

Meneroka Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Pelajar yang Mempengaruhi Penglibatan Mereka dalam Mengimbangi Penglibatan Kokurikulum dan Prestasi Akademik

Pengurusan Masa

Penglibatan dalam program pengucapan awam sememangnya menuntut pelajar untuk memiliki kemahiran pengurusan masa yang cekap dan efektif, terutama sekali apabila mereka turut memikul tanggungjawab akademik yang padat. Bagi memastikan kedua-dua aspek akademik dan kokurikulum dapat diimbangi dengan baik, pelajar perlu bijak menyusun keutamaan dan merancang masa secara strategik. Pengurusan masa menjadi sangat penting kerana penglibatan dalam program seperti pertandingan pengucapan awam bukan hanya melibatkan kehadiran fizikal semata-mata, tetapi turut menuntut komitmen terhadap sesi latihan, taklimat persediaan, penghasilan teks ucapan dan sesi amali yang memakan masa. Hal ini boleh menyebabkan tekanan tambahan kepada pelajar sekiranya tidak ditangani dengan baik.

…saya menetapkan jadual ataupun memang saya manage masa saya dengan sebaik mungkin supaya dengan keterlibatan saya dalam program pengucapan awam ni tak terlalu menganggu sayalah dengan memberi tekanan kepada akademik…

(Informan 1)

…dia sebenarnya ikut kepada orang. Kalau kita pandai bahagi masa, insya-Allah benda tu dia tak akan jadi satu bebananlah kepada akademik kita…

(Informan 2)

…ada. Dari segi masa. Kurang masa. Tak dapat kawal masa dengan betul. Jadi macam terjejas sikit lah akademik tu…

(Informan 3)

…pantun pun saya pernah masuk so time untuk training dan time untuk belajar tu kene kita imbangkan la sebab tekanan belajar tu pun akan ada even time training tu pun tengah settle kerja rumah…

(Informan 7)

Hasil kajian menunjukkan pengurusan masa menjadi faktor kritikal yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam terutamanya di bawah tekanan akademik. Pelajar yang mampu menyusun jadual dengan baik seperti dimaklumkan oleh Informan 1, 2, dan 7 dapat mengimbangi tanggungjawab akademik serta kokurikulum. Kajian oleh Britton dan Tesser (1991) turut menyatakan bahawa strategi pengurusan masa yang baik meningkatkan prestasi akademik. Sebaliknya, pelajar yang gagal mengurus masa berisiko mengabaikan pelajaran akibat komitmen program tambahan (Informan 3). Dari perspektif teori, dapatan ini selari dengan teori Keperluan Motivasi McClelland (1976) yang menunjukkan pelajar bermotivasi tinggi lebih berupaya mengatur masa demi pencapaian pelbagai matlamat serta teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) yang menjelaskan bahawa individu dengan kepercayaan diri yang tinggi lebih yakin mengawal situasi meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran.

Beban Tugasan Akademik

Tugasan akademik banyak menjadi faktor utama yang membataskan penyertaan pelajar dalam aktiviti pengucapan awam secara konsisten. Pelajar perlu memberikan keutamaan kepada komitmen akademik mereka seperti menyiapkan tugasan, menghadiri kuliah serta membuat ulang kaji yang semuanya memerlukan masa, tenaga dan tumpuan yang tinggi. Kajian oleh Li *et al.* (2023) turut mengesahkan bahawa tekanan akademik yang tinggi menyebabkan pelajar terpaksa membuat pilihan antara penglibatan kokurikulum dengan keperluan akademik, terutamanya apabila sistem penilaian lebih menumpukan pencapaian akademik semata-mata. Dalam situasi tertentu, apabila beban tugasan terlalu padat dan tarikh akhir bertindih dengan aktiviti pengucapan awam, pelajar cenderung untuk memilih untuk tidak menyertai program tersebut bagi mengelakkan prestasi akademik mereka terjejas. Hal ini turut disuarakan oleh beberapa informan dalam kajian ini yang menyatakan bahawa keutamaan mereka terpaksa diberikan kepada tanggungjawab akademik terlebih dahulu, walaupun minat terhadap pengucapan awam masih wujud.

> *...sejujurnya kalau nak dikatakan disebabkan benda ini saya lost dalam akademik tu, semestinya ada…*
>
> (Informan 2)

> *...program-program kelab kita dah jarang join. Tapi sebenarnya program-program kelab lah yang banyak membantu kita capai softskill... Tapi kita rasa macam nak fokus kepada akademik je…*
>
> (Informan 3)

> *...saya terlalu banyak fokus dekat kelab-kelab. Jadi, saya punya pointer agak jatuh. Jadinya macam time degree ni macam apa kata saya fokus balik akademik sahaja…*
>
> (Informan 4)

Ulasan Informan 2, 3, dan 4 menunjukkan dilema biasa pelajar universiti dalam mengimbangi penglibatan kokurikulum dengan prestasi akademik. Ketiga-tiganya mengakui penglibatan aktif dalam kelab memberikan impak negatif apabila tumpuan akademik terjejas. Ini sejajar dengan teori Keperluan Motivasi McClelland (1976) yang menjelaskan keperluan afiliasi (affiliation) dan kuasa (power) pada awalnya mendorong mereka aktif dalam organisasi namun apabila pencapaian akademik menurun, keperluan (achievement) menjadi keutamaan. teori Pembelajaran Sosial

Bandura (1986) turut menjelaskan proses pelajar belajar daripada pengalaman sendiri dan persekitaran lalu menyesuaikan tingkah laku bagi mengelakkan kesan negatif yang sama. Kajian Kamarudin *et al.* (2009) menyokong dapatan ini dengan menegaskan kepentingan bimbingan pengurusan masa dan sokongan institusi supaya pelajar dapat mencapai keseimbangan antara akademik dengan kokurikulum.

Kurangnya Keyakinan Diri

Kurangnya keyakinan diri dikenal pasti sebagai salah satu halangan utama yang mengekang penyertaan aktif pelajar dalam program pengucapan awam. Aktiviti ini secara semula jadi memerlukan seseorang untuk berhadapan dengan audiens, menyampaikan idea secara teratur dan meyakinkan serta berinteraksi secara spontan dengan pendengar. Namun bagi pelajar yang bersifat pemalu, introvert atau kurang pengalaman bercakap di hadapan orang ramai, situasi ini boleh mencetuskan perasaan cemas, ragu-ragu, dan takut untuk dinilai secara terbuka. Penyataan ini turun disokong dengan kajian oleh Ayres dan Hopf (2009) yang menunjukkan bahawa pelajar yang mengalami ketakutan untuk berkomunikasi di khalayak ramai menunjukkan tahap keyakinan diri yang lebih rendah dan cenderung untuk mengelak daripada terlibat dalam aktiviti seperti pembentangan kelas, perbahasan dan pertandingan pengucapan awam. Akibatnya, ramai pelajar lebih memilih untuk berdiam diri atau menjadi pemerhati daripada melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti tersebut walaupun mereka menyedari faedahnya terhadap pembangunan diri.

> *...saya nak mula-mula menceburi aktiviti ataupun program pengucapan awam ni, saya sebenarnya seorang yang pemalu, saya seorang introvert dan takut sebenarnya nak berucap di hadapan dan nak berhadapan dengan audiens yang cukup ramai. Even nak buat eye contact itu sendiri dengan penonton dan juga dengan audiens, saya cukup malu sebenarnya...*
>
> (Informan 1)

> *...cabaran utama yang saya hadapi adalah rasa gelisah dan rasa gugup. Walaupun dah kita minat satu benda tu, kita still tak boleh hilang daripada rasa gugup tu kan. Jadi ada masa disebabkan rasa gugup ni, bila kita kat atas pentas, saya hilang semua output yang saya nak bagi tu. So ini jadi antara cabaran utama saya bila saya nak beri pengucapan awam tu…*
>
> (Informan 2)

Kurangnya keyakinan diri, sifat pemalu dan kegelisahan menjadi penghalang utama bagi pelajar walaupun mereka memiliki minat mendalam dalam pengucapan awam. Informan dalam kajian ini melaporkan rasa gugup sehingga hilang fokus, kesukaran melakukan dan gagal menyampaikan isi secara teratur meskipun persediaan telah dibuat. Dapatan ini selari dengan Mohd Sobro Paridaluddin *et al.* (2023) yang menunjukkan kebimbangan sosial memberikan kesan signifikan terhadap prestasi komunikasi terbuka. Fenomena ini juga dapat dijelaskan melalui teori Keperluan Motivasi McClelland (1976) yang menekankan keperluan pencapaian, namun motivasi ini tidak mencukupi tanpa kestabilan emosi. Tekanan seperti takut akan kegagalan dan sensitif terhadap penilaian boleh melemahkan motivasi sehingga menyebabkan pelajar cenderung mengelak daripada mencuba sekali gus menjejaskan perkembangan diri mereka dalam bidang pengucapan awam.

Takut Dinilai secara Negatif

Dalam konteks penglibatan pelajar menerusi program pengucapan awam, ketakutan terhadap penilaian negatif merupakan salah satu bentuk halangan psikososial yang paling signifikan dan kompleks. Halangan ini tidak hanya melibatkan kekurangan kemahiran teknikal tetapi lebih kepada tekanan mental dan emosi yang timbul apabila pelajar merasakan diri mereka dinilai atau diperhatikan secara kritikal. Isu ini turut disokong oleh kajian Karna dan Zulkifli (2025) yang mendapati bahawa ketakutan terhadap penilaian negatif berkait rapat dengan kebimbangan komunikasi (communication apprehension) dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini ditunjukkan oleh tahap kebimbangan sosial yang tinggi menyebabkan pelajar lebih cenderung mengelakkan diri daripada situasi komunikasi terbuka kerana takut dinilai atau dibandingkan dengan orang lain. Ketakutan ini seringkali muncul dalam bentuk kebimbangan akan ditertawakan, dikritik secara terbuka atau dianggap tidak layak oleh rakan sebaya, pensyarah mahupun penonton umum. Dalam kalangan pelajar universiti khususnya, imej diri, dan penerimaan sosial memainkan peranan penting dalam menentukan keberanian mereka untuk tampil di hadapan umum.

> *...pertama sekali, mungkin dari segi orang kata apa… tekanan la kot, sebab apa, kita dekat U ni kan ramai student yang hebat-hebat kan? Jadinya, mungkin bila… rasa rendah dirilah yang menjadi cabaran dan juga mungkin dari segi stigma orang. Tanggapan orang terhadap kita…*
>
> (Informan 8)

> *...kita pulak budak kelas yang ke belakang sikit. Jadi mereka pun macam tanyalah "Betul ke apa benda yang kita cakap ni?" ...*
>
> (Informan 9)

Kajian mendapati pelajar yang menghadapi kebimbangan perbandingan, *comparison anxiety*, iaitu rasa ragu terhadap kebolehan diri apabila membandingkan mereka dengan rakan yang lebih menonjol. Informan juga melaporkan tekanan sosial dan stigma di universiti menyebabkan mereka berfikiran bahawa diri tidak layak berucap di khalayak ramai. Fenomena ini menunjukkan cabaran bukan sekadar teknikal tetapi berpunca daripada persepsi diri yang negatif akibat pengaruh persekitaran. Berdasarkan teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986), kekurangan sokongan sosial dan contoh positif melemahkan efikasi kendiri pelajar. Hal ini disokong oleh Leary (1983) yang menegaskan bahawa *fear of negative evaluation* menjadi punca utama pelajar mengelak situasi komunikasi sekali gus menjejaskan pembangunan kemahiran insaniah mereka

Langkah-langkah bagi Meningkatkan Penglibatan Pelajar dalam Program Pengucapan Awam

Sokongan Pensyarah dan Rakan

Sokongan emosi dan moral daripada pensyarah serta rakan sebaya merupakan salah satu faktor penting yang mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam. Galakan daripada pensyarah dalam bentuk pujian, dorongan dan maklum balas membina bukan sahaja meningkatkan semangat pelajar malah turut membina keyakinan diri mereka untuk

mencuba sesuatu yang baharu. Pelajar yang merasakan mereka diberi kepercayaan dan disokong oleh pensyarah cenderung untuk lebih terbuka dalam menyertai aktiviti di luar bilik kuliah seperti pertandingan pengucapan awam. Kajian oleh Frisby dan Martin (2010) turut menyokong kepentingan peranan pensyarah dan hubungan interpersonal dalam bilik kuliah terhadap pembangunan kemahiran komunikasi pelajar. Begitu juga dengan rakan sebaya, mereka berperanan sebagai sumber sokongan sosial yang mendorong pelajar untuk keluar daripada zon selesa, mencuba perkara baharu, dan saling membantu dalam latihan serta persediaan pertandingan.

> *…macam cikgu-cikgu dan pensyarah, diorang rasa saya ada talent untuk ke depan so dorongan mereka tu sangat-sangat positif walaupun masa masuk tu saya dah kata dari awal, saya muda ni. Saya paling muda dalam kalangan peserta tu…*
>
> (Informan 4)

> *…cikgu macam approach, cikgu pun macam beri sokongan kepercayaan macam tu. Bila kawan-kawan saya percaya saya boleh, cikgu pun percaya yang saya boleh, padahal saya tak ada pengalaman tapi disebabkan diorang percaya saya boleh buatkan saya rasa yakin untuk join…*
>
> (Informan 10)

Sokongan pensyarah dan rakan sebaya terbukti memainkan peranan penting dalam meningkatkan keyakinan pelajar untuk terlibat dalam pengucapan awam meskipun mereka pada asalnya kurang yakin atau tiada pengalaman. Hubungan positif dengan pensyarah meningkatkan motivasi akademik dan keyakinan diri pelajar (Komarraju *et al.*, 2010). Dorongan ini memenuhi keperluan afiliasi dan pencapaian seperti yang digariskan oleh McClelland, yakni rasa dihargai mendorong pelajar mencabar diri untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Fenomena ini turut disokong oleh teori Pembelajaran Sosial Bandura (1986) melalui pujukan lisan (verbal persuasion) dan pemodelan sosial (social modelling), apabila kata-kata galakan serta contoh kejayaan rakan sebaya dapat meningkatkan efikasi kendiri pelajar untuk mencuba.

Sokongan Keluarga

Sokongan keluarga merupakan salah satu elemen penting yang memberikan kesan langsung terhadap pembentukan keyakinan diri, motivasi, dan kesediaan pelajar untuk melibatkan diri dalam program pengucapan awam. Dalam konteks ini, galakan daripada ibu bapa, adik-beradik atau ahli keluarga lain dapat memberikan semangat dan dorongan moral yang kukuh khususnya kepada pelajar yang masih bergelut dengan rasa malu, gugup atau kurang yakin untuk tampil di hadapan khalayak. Sokongan keluarga tidak hanya dalam bentuk kehadiran fizikal semasa pertandingan tetapi juga melalui pujian, paksaan dan peneguhan positif yang membantu pelajar mempercayai kebolehan diri sendiri. Persekitaran rumah yang menyokong turut berperanan untuk mencorakkan sikap pelajar terhadap cabaran dan peluang termasuk keberanian untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pengucapan awam yang mencabar secara emosi dan mental. Kajian oleh Elias *et al.* (2010) menyatakan bahawa penglibatan dan sokongan ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam pencapaian dan pembangunan sahsiah pelajar termasuk dalam aktiviti kokurikulum yang membina kemahiran komunikasi.

...daripada segi program pengucapan awam, kebanyakannya dari segi keluarga sayalah... ayahlah selalunya macam suruh jadi saya jadi emcee ke, untuk satu program dekat kampung, untuk satu program komuniti...

(Informan 3)

...family saya memang semua daripada zaman saya masuk 2021 pun memang diorang selalu tengok dari online so memang support daripada family tu ada untuk setiap pertandingan yang saya masuk...

(Informan 5)

...ayah saya yang suka push saya, cakap beranikan diri untuk cakap depan orang... kalau tak berani kan diri you nak jadi macam katak bawah tempurung? Memang orang takkan kenal you... dia bagi sokongan moral and then push saya...

(Informan 7)

Sokongan keluarga terutamanya ibu bapa menjadi pemangkin penting dalam membina keyakinan diri dan keberanian pelajar untuk menyertai program pengucapan awam. Kajian Chow dan Wong (2020) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa secara aktif mengukuhkan motivasi dalaman, keyakinan serta kemahiran komunikasi anak. Ini selari dengan pandangan informan yang menceritakan pengaruh sokongan moral, nasihat serta peluang awal daripada keluarga terhadap peningkatan keberanian mereka. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui teori Keperluan McClelland yang menekankan keperluan hubungan sosial positif dan dorongan untuk berjaya. Dalam masa sama, selari dengan teori Pembelajaran Sosial Bandura, pengalaman awal serta galakan keluarga bertindak sebagai pujukan lisan (verbal persuasion) dan pengalaman penguasaan (mastery experiences) yang meningkatkan keyakinan diri pelajar. Hal ini seterusnya memupuk kecenderungan mereka untuk terlibat aktif dalam aktiviti mencabar seperti pengucapan awam.

Pengiktirafan dan Ganjaran

Pengiktirafan dan ganjaran memainkan peranan penting untuk merangsang minat serta penyertaan pelajar dalam program pengucapan awam. Apabila usaha dan pencapaian pelajar diiktiraf secara rasmi sama ada dalam bentuk sijil, anugerah, pengumuman awam, atau penghargaan daripada pihak universiti, ini dapat meningkatkan motivasi dalaman serta membina rasa bangga terhadap pencapaian diri. Ganjaran seperti hadiah, peluang menyertai pertandingan pada peringkat lebih tinggi atau pengiktirafan akademik juga dapat memberikan dorongan kepada pelajar untuk terus aktif dan berusaha membaiki prestasi dalam aktiviti komunikasi terbuka. Kajian oleh Deci dan Ryan (2009) menunjukkan bahawa pengiktirafan dan ganjaran yang diberikan dengan cara menghargai usaha serta kompetensi pelajar dapat meningkatkan motivasi yang datang daripada diri pelajar sendiri. Dalam konteks pelajar universiti, pengiktirafan bukan hanya memberikan kepuasan peribadi tetapi turut menyumbang kepada pembangunan professional. Ini lebih ketara apabila aktiviti tersebut boleh ditonjolkan dalam resume atau digunakan sebagai nilai tambah dalam pembangunan kerjaya.

...selain daripada itu, ada juga daripada kita berikan habuan mungkinlah sijil itu sendiri yang mana sijil itu juga merupakan satu perkara yang pentinglah especially kepada para pelajar di peringkat sekolah ataupun pelajar di universitilah sebab sijil

tu memberikan kita satu nilai tambah dan juga perkara ini dapat meningkatkan kita punya softskill dalam bidang komunikasi dan pengucapan awam…

(Informan 1)

…kita ada UMAC tapi perbanyakkan lagi program macam ni dengan hadiah yang lebih orang panggil apa hadiah lebih besar supaya pelajar dia lagi minat untuk join…

(Informan 8)

Pengiktirafan dan ganjaran seperti sijil penyertaan serta hadiah berperanan penting untuk menarik minat pelajar menyertai program pengucapan awam. Kajian Guo dan Liem (2022) mendapati sistem ganjaran terancang dapat mempengaruhi penyertaan pelajar melalui kesan psikologi positif yang membina semangat untuk terus aktif. Hal ini disokong teori keperluan untuk pencapaian McClelland yang menjelaskan pelajar lebih terdorong apabila usaha mereka diiktiraf melalui pencapaian simbolik seperti sijil atau peluang ke peringkat lebih tinggi. Dalam masa yang sama, Bandura menekankan penghargaan sosial meningkatkan efikasi kendiri (self-efficacy) yang memupuk keyakinan pelajar mencuba cabaran seperti pengucapan awam. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan bukan sekadar motivasi luaran tetapi juga alat penting untuk membina motivasi dalaman dan keyakinan diri untuk terlibat secara konsisten dalam aktiviti ini.

Promosi Program dan Bengkel

Promosi yang berkesan merupakan faktor penting dalam usaha menentukan kadar penyertaan pelajar dalam sesebuah program. Tanpa hebahan yang menyeluruh dan strategi komunikasi yang tepat, ramai pelajar mungkin tidak menyedari kewujudan program tersebut atau tidak memahami manfaat yang diperoleh daripada penyertaan. Oleh sebab itu, promosi perlu dilakukan secara pelbagai saluran seperti media sosial, pengumuman rasmi universiti, hebahan dalam kelas, dan sokongan visual seperti poster serta video pendek yang menarik. Tambahan pula, promosi perlu memfokuskan nilai tambah yang akan diperoleh pelajar seperti pengiktirafan, pembangunan *soft skills*, dan peluang pendedahan pada peringkat lebih tinggi. Di samping itu, penganjuran bengkel pengucapan awam juga penting sebagai platform awal bagi menarik minat pelajar terutamanya kepada mereka yang masih kurang yakin atau belum pernah menyertai pertandingan. Kajian Wrench *et al.* (2009) menunjukkan bahawa pendedahan awal melalui latihan dan program komunikasi berstruktur membantu mengurangkan kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar serta meningkatkan kecenderungan mereka untuk menyertai aktiviti pengucapan awam. Tambahan lagi. bengkel dapat menyediakan ruang pembelajaran yang selamat, interaktif dan praktikal sekali gus membantu pelajar membina asas kemahiran komunikasi sebelum menyertai program sebenar.

...kalau dari segi bentuk fizikal, mungkin kita boleh macam letak AJK tu merata-rata tempat lah untuk promote atau buka booth ka… Tapi booth tu dia nampak agak menakutkan. Student mungkin takut. Mungkin AJK yang promosi tu la yang memainkan peranan. Dia kene lebih mesra…

(Informan 8)

…maybe promosi tu kena tingkatkan lagi... kelab debat tu boleh macam pergi antara universiti dengan universiti yang lain ke...

bukan sahaja dalam universiti sahaja macam tu. Libatkan orang-orang luar juga. Hantar pelajar ke luar untuk debat…

(Informan 3)

…intervensi ataupun integrasi pengucapan awam ni salah satunya boleh buat bengkel motivasi. Bengkel motivasi ni tak boleh guna yang santai-santai yang selalu orang dah buat. Maksudnya kita kena cari key yang lebih WOW impact dia dan boleh juga untuk pengucapan awam ni macam emcee…

(Informan 4)

Promosi kreatif dan bengkel interaktif dikenal pasti sebagai pemangkin penting dalam menarik minat serta meningkatkan penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam. Pendekatan promosi yang mesra dan terbuka seperti reruai (booth) serta penganjuran aktiviti di luar kampus termasuk debat antara universiti, dilihat dapat memperluas pendedahan dan jaringan pelajar. Selain itu, bengkel motivasi yang menarik dan praktikal terbukti mampu memberikan pengalaman awal (mastery experience) yang meningkatkan keyakinan pelajar untuk mencuba (Mubanga & Ndhlovu, 2020). Hal ini selari dengan teori Keupayaan Motivasi McClelland yang menekankan keperluan pencapaian sebagai pemacu utama penyertaan dalam program bercirikan cabaran dan reputasi. Sementara itu, teori Pembelajaran Sosial Bandura pula ada menjelaskan bagaimana pendedahan awal dan pembelajaran melalui pemerhatian rakan sebaya dapat membina efikasi kendiri pelajar.

Perbincangan

Berdasarkan penemuan kajian, didapati bahawa isu utama yang membataskan penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam berkait rapat dengan kekangan psikologi seperti rasa gugup, kurang keyakinan diri dan kebimbangan terhadap penilaian negatif. Ini selari dengan dapatan kajian McCroskey (1970) yang menyatakan bahawa kegelisahan pengucapan awam merupakan satu bentuk fobia yang mampu menghalang penyertaan aktif pelajar terutamanya apabila mereka pernah mengalami pengalaman negatif seperti diejek atau dikritik ketika berucap. Hujah ini diperkuat oleh O'Connell (2002) yang menekankan kepentingan latihan dan sokongan sosial sebagai elemen yang membantu pelajar mengatasi rasa takut dan membina keyakinan.

Penglibatan pelajar juga dilihat sangat dipengaruhi oleh latar belakang akademik dan keupayaan mereka mengurus masa. Beberapa informan menyatakan kesukaran untuk menyeimbangkan antara komitmen akademik dengan latihan pengucapan awam. Ini menyokong dapatan Zacherman dan Foubert (2014) yang menjelaskan bahawa pengurusan masa yang baik ialah faktor penting bagi pelajar yang aktif dalam kokurikulum kerana berkait rapat dengan prestasi akademik mereka. Dalam konteks ini, program pengucapan awam seperti UMAC sebenarnya menawarkan ruang pembangunan holistik, sebagaimana dihuraikan oleh Abu Samah *et al.* (2022) dalam kerangka pendidikan holistik yang menekankan keseimbangan antara kognitif dengan afektif.

Seterusnya, dapatan turut menunjukkan bahawa dorongan dan pengiktirafan daripada pensyarah, rakan sebaya dan keluarga memberikan impak yang besar terhadap keputusan pelajar untuk terlibat secara aktif. Ini mengesahkan dapatan O'Connell (2002) bahawa sokongan sosial mampu mengurangkan fobia pengucapan awam. Dalam konteks ini, dasar dan polisi universiti juga memainkan peranan penting

sebagaimana yang ditekankan oleh Jamaluddin *et al.* (2020) dan Nassar *et al.* (2024). Kajian mereka mendapati bahawa polisi institusi yang menyokong aktiviti insaniah mampu meningkatkan tahap keyakinan pelajar.

Akhir sekali, cadangan oleh informan berkaitan dengan penganjuran bengkel dan promosi yang lebih menarik mencerminkan keperluan kepada intervensi bersifat kreatif dan berimpak tinggi. Kajian oleh Kamaruddin dan Isa (2022) menyokong hal ini apabila mereka menyatakan bahawa keberkesanan sesuatu bengkel banyak bergantung pada kaedah pelaksanaannya. Bengkel yang interaktif dan disokong oleh promosi yang efektif mampu menarik minat lebih ramai pelajar untuk menyertai program pengucapan awam.

Cadangan

Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati terdapat beberapa batasan yang membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan pada masa hadapan. Kajian ini hanya melibatkan 10 orang informan daripada kalangan pelajar UMT yang terlibat dalam pertandingan pengucapan awam. Sehubungan dengan itu, kajian masa depan disarankan untuk melibatkan lebih banyak responden daripada pelbagai universiti awam dan swasta bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, terutamanya melibatkan kepelbagaian latar belakang akademik dan sosioekonomi.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar kajian seterusnya menggunakan kaedah *mixed-methods* iaitu gabungan antara pendekatan kualitatif dengan kuantitatif. Penggunaan soal selidik boleh digunakan untuk mengukur tahap keyakinan diri, tekanan emosi dan motivasi pelajar secara kuantitatif manakala temu bual boleh terus digunakan bagi mendalami pengalaman dan persepsi mereka. Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan ketepatan serta kebolehpercayaan dapatan kajian.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan supaya kajian lanjutan memberikan tumpuan kepada pembangunan dan penilaian modul latihan atau intervensi khusus dalam bidang pengucapan awam. Modul ini boleh dirangka berdasarkan dapatan kajian terdahulu serta diuji keberkesanannya melalui kajian longitudinal. Penyelidikan seperti ini dilihat mampu memberikan impak langsung terhadap usaha meningkatkan penyertaan dan keyakinan pelajar dalam aktiviti pengucapan awam secara berterusan.

Seterusnya, pengkaji menyarankan agar program pengucapan awam seperti pertandingan UMAC diperluas dan dijadikan sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan sahsiah pelajar. Program-program seperti ini bukan sahaja memberikan nilai tambah dari segi kemahiran insaniah tetapi juga menyumbang kepada kebolehpasaran graduan. Tambahan lagi, pensyarah dan tenaga kerja juga boleh memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memberikan dorongan moral serta membimbing pelajar terutamanya mereka yang menunjukkan minat tetapi kurang keyakinan diri. Pensyarah juga boleh mencadangkan nama pelajar untuk menyertai program tertentu, di samping membantu mereka membuat persiapan dan memberikan maklum balas yang membina. Latihan kecil-kecilan pada peringkat kuliah juga boleh dijalankan sebagai latihan awal sebelum pelajar tampil dalam pertandingan sebenar.

Bagi pelajar itu sendiri, mereka boleh mengambil peluang yang disediakan oleh

universiti untuk mencabar diri dalam aktiviti pengucapan awam. Pelajar digalakkan untuk mengurus masa dengan baik supaya tidak menjejaskan tugasan akademik, di samping membaiki kemahiran komunikasi melalui latihan, pemerhatian dan penyertaan secara aktif dalam bengkel atau sesi latihan. Pelajar juga perlu belajar menerima kritikan secara terbuka sebagai satu proses pembelajaran untuk meningkatkan kualiti penyampaian mereka.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti isu dan cabaran penglibatan pelajar dalam program pengucapan awam melalui Kajian Kes Pertandingan Ikon Motivator UMAC. Objektif utama adalah untuk mengenal pasti latar belakang akademik pelajar yang terlibat, meneroka isu dan cabaran yang dihadapi mereka serta mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam program sebegini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi penyertaan pelajar termasuk kurang keyakinan diri, tekanan akademik, kurang keyakinan diri selain takut dinilai secara negatif. Namun begitu, sokongan emosi daripada pensyarah, rakan sebaya, dan keluarga serta ganjaran dan pengiktirafan menjadi pemangkin penting kepada penglibatan pelajar.

Penemuan ini juga disokong dengan pelbagai teori dan kajian terdahulu. Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura dan teori Keupayaan Motivasi McClelland memperkukuh kefahaman tentang pengaruh faktor sosial dan motivasi pencapaian terhadap keterlibatan pelajar dalam pengucapan awam. Sorotan literatur dalam Bab 2 turut mengesahkan bahawa latihan berstruktur, promosi, dan bengkel yang berkesan serta pendekatan holistik melalui dasar dan polisi universiti mampu mendorong pelajar untuk lebih aktif. Kajian ini sekali gus menyerlahkan kepentingan membina persekitaran sokongan dan peluang pembelajaran insaniah untuk membentuk graduan yang berkeyakinan dan berdaya saing.

Umumnya, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan berguna kepada pihak universiti, pendidik serta pelajar dalam memperkasakan program pengucapan awam di peringkat institusi pengajian tinggi.

Penyelidikan ini diharap membuka ruang kepada penyelidikan lanjut yang lebih mendalam dari sudut metodologi atau konteks yang berbeza. Selain itu, dapatan ini dapat menyumbang ke arah pembangunan pelajar secara holistik serta melahirkan generasi muda yang mampu bersuara, memberikan inspirasi, dan menjadi pemimpin masa depan yang berkualiti.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penilai atas komen serta cadangan yang diberikan bagi memperkukuh artikel ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan atau penulisan artikel ini.

Rujukan

Abdul Razak, A. (2002). *Penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik: Satu tinjauan ke atas pelajar diploma dan sarjana muda KUiTTHO* [Bachelor's thesis, Kolej

Universiti Teknologi Tun Hussein Onn]. http://eprints.uthm.edu.my/9036/1/24p%20AZIZAH%20ABDUL%20RAZAK.pdf

Abu Samah, N. A., Surat, S., & Rahman, S. (2022). Penglibatan aktiviti kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(4), article e001451. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1451

Agensi Kelayakan Malaysia. (2018). *Code of practice for programme accreditation* (2nd ed.). https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/COPPA/2019/Oct/26092019%20CLEAN%20COPPA%202nd%20Edition%20(2017).pdf

Ayres, J., & Hopf, T. (2009). Visualization: Reducing speech anxiety and enhancing performance. *Communication Reports*, *5*(1), 1–10. https://doi.org/10.1080/08934219209367538

Bahagian Kaunseling UPM. (2023, May 8–27). *University Young Motivator Competition (UMAC) Piala Timbalan Naib Canselor HEPA UPM*. https://bkupm.upm.edu.my/aktivitiarkib/umac_2023_university_young_motivator_competition_piala_timbalan_naib_canselor_hepa_upm-26896

Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. Prentice-Hall.

Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. W. H. Freeman.

Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, *9*(2), 27–40. https://doi.org/10.3316/QRJ0902027

Britton, B. K., & Tesser, A. (1991). Effects of time-management practices on college grades. *Journal of Educational Psychology*, *83*(3), 405–410. https://doi.org/10.1037/0022-0663.83.3.405

Carnagey, D., & Esenwein, J. B. (2005). *The art of public speaking*. The Home Correspondence School.

Chow, S., & Wong, J. (2020). Supporting academic self-efficacy, academic motivation, and information literacy for students in tertiary institutions. *Education Sciences*, *10*(12), Article 361. https://doi.org/10.3390/educsci10120361

Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. SAGE Publications. https://revistapsicologia.org/public/formato/cuali2.pdf

Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, *11*(4), 227–268. https://doi.org/10.1207/S15327965PLI1104_01

Ekawati, R. (2024). Public speaking skills to increase the self-confidence of communication science students, Faculty of Social, Law and Political Sciences, Yogyakarta State University (FISHIPOL UNY) facing sustainable development. In 4th

International Conference on Social Sciences and Law (ICSSL 2024) (pp. 626–636). https://doi.org/10.2991/978-2-38476-303-0_59

Elias, H., Noordin, N., & Mahyuddin, R. (2010). Achievement motivation and self-efficacy in relation to adjustment among university students. *Journal of Social Sciences*, *6*(3), 333–339. https://doi.org/10.3844/jssp.2010.333.339Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research*, *74*(1), 59–109. https://doi.org/10.3102/00346543074001059

Frisby, B. N., & Martin, M. M. (2010). Instructor–student and student–student rapport in the classroom. *Communication Education*, *59*(2), 146–164. https://doi.org/10.1080/03634520903564362

Guo, G. Q., & Liem, G. A. D. (2022). The impact of co-curricular activities on youth development: A self-determination theory perspective. *Trends in Psychology*, 33, 1–26. https://doi.org/10.1007/s43076-022-00249-5

Hajong, A., & Ambedkar, V. (2025). Enhancing communication skills and self-confidence through constructivist teaching: A comparative study. *Integrated Journal for Research in Arts and Humanities*, *5*(3), 101–109. https://doi.org/10.55544/ijrah.5.3.11

Ibrahim, N. N., & Mahbob, M. H. (2021). Keterampilan peribadi pelajar sebagai satu bentuk kemahiran komunikasi dan kepentingannya dalam pasaran dunia pekerjaan. *Malaysian Journal of Communication*, *37*(1), 209–226. https://journalarticle.ukm.my/16656/1/44819-152430-1-PB.pdf

Ismail Rani, N., Harun, N., & Sailin, R. (2015). *Kekhuatiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Dalam *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM)*.

Jamaluddin, N. S., Abdul Kadir, S., Abdullah, A., & Alias, S. N. (2020). Learning strategy and higher order thinking skills of students in accounting studies: Correlation and regression analysis. *Universal Journal of Educational Research*, *8*(3C), 85–90. https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081610

Jasmi, K. A. (2012). *Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif* (hlm. 1–33). Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Repositori Institusi UTM.

Kadir, H. (2023, October 12). *Kursus asas pengucapan awam tingkat ketrampilan pelatih KOR SUKSIS*. Berita UTHM. https://news.uthm.edu.my/?p=21484

Kamaruddin, Z., & Isa, Z. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan risiko makmal dan bengkel. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, *18*(1), 131–155.

https://journalarticle.ukm.my/20972/1/QT%2010.pdf

Kamarudin, R., Chong, S.-C., Norzaidi, M., Mohamed, I., Aris, A., & Ibrahim, N. (2009). The impact of perceived stress and stress factors on academic performance of pre-diploma science students: A Malaysian study. *International Journal of Scientific Research in Education*, *2*(1),13–26. https://www.ijsre.com.ng/assets/vol%2c-2_1_-rafidah%2c-et-al.pdf

Karna, W., & Zulkifli, N. (2025). Fear of evaluation and communication apprehension: The mediating role of social skills deficits. *Journal of Assessment and Research in Applied Counseling*, *7*(2), 126–134. https://doi.org/10.61838/kman.jarac.7.2.15

Komarraju, M., Musulkin, S., & Bhattacharya, G. (2010). Role of student–faculty interactions in developing college students' academic self-concept, motivation, and achievement. *Journal of College Student Development*, *51*(3), 332–342. https://doi.org/10.1353/csd.0.0137

Leary, M. R. (1983). Social anxiousness: The construct and its measurement. *Journal of Personality Assessment*, *47*(1), 66–75. https://doi.org/10.1207/s15327752jpa4701_8

Lebar, O. (2006). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Li, T., Lin, T., Eng, T., Xin, T., & Wardhani, S. T. (2023). The influence of academic stress on academic performance among university students. *Asia Pacific Journal of Management and Education*, *6*(3), 129–138. https://doi.org/10.32535/apjme.v6i3.2675

Lucas, S. E. (2001). *The art of public speaking*. McGraw-Hill.

Manen, M. v. (1997). *Researching lived experience: Human science for an action sensitive pedagogy*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9781315421056

Marinho, A. C. F., de Medeiros, A. M., Gama, A. C. C., & Teixeira, L. C. (2017). Fear of public speaking: Perception of college students and correlates. *Journal of Voice*, *31*(1), 127.e7–127.e11. https://doi.org/10.1016/j.jvoice.2015.12.012

McClelland, D. C. (1976). *The achieving society*. Irvington Publishers.

McCroskey, J. C. (1970). Measures of communication-bound anxiety. *Speech Monographs*, *37*(4), 269–277. https://doi.org/10.1080/03637757009375677

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook* (2nd ed.). SAGE Publications. https://vivauniversity.wordpress.com/wp-content/uploads/2013/11/milesandhuberman1994.pdf

Mohd Sobro Paridaluddin, N. F., Che Ismail, N., Chen, R., & Jing, Z. (2023). Factors of public speaking anxiety among postgraduate students of

Malaysian public universities in online presentations. In *4th International Conference on English Language Teaching (ICON-ELT 2023)* (pp. 190–207). https://doi.org/10.2991/978-2-38476-120-3_18

Mubanga, P., & Ndhlovu, D. (2020). The relationship between academic performance of pupils coming from electrified and non-electrified homes of Grade Seven pupils from Mubanga Ndhlovu Primary School in Chibombo District. *Journal of Education and Practice*, *11*(4), 50–61. https://doi.org/10.7176/JEP/11-4-06

Munawaroh, M., Ratnawati, E., Ningsih, T., & Nuryana, N. (2022). Enhancing students' communication skills in social studies learning through cooperative learning. *Ta'dib*, *25*(1). https://doi.org/10.31958/jt.v25i1.5826

Nassar, F., Abbas, A., Al-Saify, H., & Mohammad Ali, O. (2024). The impact of extracurricular activities on developing academic standing, student satisfaction, performance, and bolstering the academic reputation of higher education institutions from the perspective of SDGs. *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, *5*(1), Article e02758. https://doi.org/10.47172/2965-730X.SDGsReview.v5.n01.pe02758

Neo, B., Whai, M. K., & Ling, Y.-L. (2021). Mengukuhkan penguasaan kemahiran kepimpinan karismatik melalui LEADinU dalam kalangan ahli majlis tertinggi kelab debat dan pengucapan awam POLIKU. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal Isu Khas*, *2*(1), 34–41.

Nor, A. M. (2024, October 8). *Membangunkan potensi pelajar Orang Asli di IPT melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum*. Malaya Newsroom. https://malayanewsroom.com/08/10/2024/membangunkan-potensi-pelajar-orang-asli-di-ipt-melalui-penglibatan-aktif-dalam-aktiviti-kokurikulum/

Ong, T. C., Nazili, T. T., & Lai, C. S. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan pelajar bidang teknologi kimpalan dalam ko-kurikulum di Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, *6*(2), 80–90. https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.009

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications. https://books.google.com.my/books?id=ovAkBQAAQBAJ

Pribyl, C. B., Keaten, J., & Sakamoto, M. (2001). The effectiveness of a skills-based program in reducing public speaking anxiety. *Japanese Psychological Research, 43*(3), 148–155. https://doi.org/10.1111/1468-5884.t01-1-00171

Raeih, R. M. (2023, December 8). *Keyakinan diri dengan pengucapan awam*. Sinar Bestari. https://sinarbestari.sinarharian.com.my/sekolah-kebangsaan/keyakinan-diri-dengan-pengucapan-awam

Rahman Hz, B., & Ramadhan, A. (2022). Does educational background influence students' public speaking

skill? Reality vs students' perspective. *Jurnal Penulisan Bahasa, Sastra dan Pengajaran*, *20*(1), 17–25. https://doi.org/10.33369/jwacana.v20i1.20549

Salleh, K., Harun, M., & Silim, A. (2021). Personaliti pelajar dan tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, *7*(2), 1–8. https://www.puo.edu.my/webportal/wp-content/uploads/2023/01/06.-A021-KASWATI-BT-SALLEH.pdf

Sharif, S., Mariappan, M., Talin, R., Singh Bikar, S., Noorhassanah, U. N., Martin, R. I., & Kiok, P. K. (2021). *Pemupukan STEM dalam kalangan pelajar luar bandar*. Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020) (hlm. 792–813). Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/46f6fab7-b3eb-4929-8cfc-4f85c2e15e9d

Susilowati, N., Mahmud, A., & Sari, P. N. (2022). Communication skill, student engagement and self-efficacy: Flow on effect on student online learning. *Journal of Education Technology*, *6*(1), 67–76. https://doi.org/10.23887/jet.v6i1.41941

Tan, F., Whipp, P. R., Gagné, M., & Van Quaquebeke, N. (2019). Students' perception of teachers' two-way feedback interactions that impact learning. *Social Psychology of Education*, *22*, 169–187. https://doi.org/10.1007/s11218-018-9473-7

Tawang, M. Y., Shari, M. G., & Muhammad Rizal Tan, M. E. (2021). Penglibatan aktiviti kokurikulum dari persepsi pelajar di Politeknik METrO Johor Bahru. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, *7*(2), 1–10. https://www.puo.edu.my/webportal/wp-content/uploads/2023/01/01.-A001-MOHD-YUSOF-BIN-TAWANG.pdf

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. (2020, February 15). *Kursus pengucapan awam: Berani berucap dengan yakin*. https://unipsas.edu.my/kursus-pengucapan-awam-berani-berucap-dengan-yakin/

Universiti Kebangsaan Malaysia. (2020). *Laporan tahunan 2020 Universiti Kebangsaan Malaysia*. https://www.ukm.my/portalukm/wp-content/yearlyreport/2020/PDF.pdf

Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (2019). *Pertandingan Motivator Ikon Inspirasi Varsiti 2019 peringkat kebangsaan kali ke-4*. https://news.utem.edu.my/index.php/184-press-releases/762-menyerlah-dalam-pengucapan-awam-mahasiswa-utem-juara-pertandingan-motivator-ikon-inspirasi-varsiti-2019

Wrench, J., Richmond, V., & Gorham, J. (2009). *Communication, affect, and learning in the classroom*. Creative Commons. https://archive.org/details/CommunicationAffectAndLearningInTheClassroom/mode/1up

Zacherman, A., & Foubert, J. D. (2014). The relationship between engagement in cocurricular activities and academic performance: Exploring gender differences. *Journal of Student Affairs Research and Practice*, *51*(2), 157–169. https://doi.org/10.1515/jsarp-2014-0016

Zakaria, N. A., Mokhtar, N., & Darus, F. M. (2023). Pembentukan kemahiran insaniah melalui kursus Service Learning Malaysia University for Society (SULAM) di Universiti Teknologi MARA. *Jurnal Personalia Pelajar*, *26*(1), 111–119. https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2023/08/A06-0623_Noor-Afzan-Zakaria_UiTM.pdf